

TARIKH : 15/7/2022

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

Terengganu rekod 90 kes kemalangan tempat kerja

KUALA TERENGGANU – Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Terengganu merekodkan 90 kes kemalangan di tempat kerja dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini di seluruh negeri.

Pengarahnya, Mohd Zahari Hitam berkata, daripada jumlah itu, tujuh kes kemalangan melibatkan kematian, dua kes hilang upaya kekal manakala 74 kes tanpa kehilangan upaya kekal.

"Sepanjang tempoh itu, kita turut menerima tujuh kes kejadian berbahaya di tempat kerja selain 13 aduan dan angka-angka ini memberi berita sedih kepada kita terutama buat keluarga mangsa terlibat," katanya pada Khamis.

Sehubungan itu ujarinya, JKKP telah merangka satu pelan khusus untuk jangka masa panjang iaitu Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025 (OSHMP25) sebagai

usaha untuk meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tempat kerja.

Tambahnya, pelan tersebut adalah strategi dan program yang dirangka bagi melonjakkan tahap KKP negara ke peringkat lebih cemerlang untuk melindungi sumber manusia yang merupakan aset penting dalam menjayakan program pembangunan negara.

"Antara yang dirancang adalah program SOLVE 4 SME (*Stepwise OSH Level Verification and Enhancement for Small and Medium Enterprise*) iaitu satu program khusus untuk sektor industri kecil dan sederhana (IKS).

"Peranan utama program ini adalah bagi membantu IKS meningkatkan pematuhan dalam aspek perundangan, kesedaran dan menguruskan KKP dengan lebih cekap bagi mengurangkan statistik kemalangan di tempat kerja," ujarinya.



Mohd Zahari (depan, tengah) bersama peserta yang menyertai program *OSH Compliance Support* di Hotel Sri Malaysia, Kuala Terengganu minggu lalu.

SH: Negeri MS 26 15/7/22